

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 24 JUN 2022
AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 22

Pilihan 48,800: Pendidikan TVET

PENDIDIKAN TVET

Pilihan 48,800

Oleh M Hifzuddin
Ikhsan

hifzuddin@bh.com.my

Sungai Petani

Bidang Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) perlu dilihat sebagai peluang kepada golongan belia di negara ini mendapat pekerjaan dan meraih pendapatan setimpal pada masa hadapan.

Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Seri Mahdzir Khalid, berkata pihak industri perlu melihat imej TVET kini sebahagian bidang profesional di mana pekerjanya perlu ditawarkan gaji setimpal kelayakan dan kemahiran mereka.

Katanya, jika perkara itu dicapai, maka pendidikan TVET bakal menjadi pilihan golongan belia melanjutkan pelajaran, sekali gus menangkis tanggapan negatif mengenai bidang itu.

"Disebabkan itu, Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) cukup yakin pada cadangan menghantar pekerja mahir Malaysia bekerja di Jepun seperti diumumkan kerajaan baru-baru ini, bakal memberi kelebihan kepada graduan institusi TVET@KPLB.

"Kita menjangkakan lepasan pelajar TVET@KPLB bakal mengisi ruang dan peluang sebagai pekerja mahir tersebut berikutnya kerjasama Mara dan universiti di Jepun sejak 1993 lagi melalui



MAHDZIR Khalid.



HASBI Habibollah.

Program Pendidikan Tinggi Malaysia-Jepun (MJHEP) yang kini dikenali sebagai Program Universiti Jepun (JUP)," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Ekspo Institusi Pendidikan TVET@KPLB 2022 yang berlangsung di Amanjaya Mall di sini, semalam.

Hadir sama, Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar II Datuk Hasbi Habibollah, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) KPLB Datuk Che Murad Sayang Ramjan dan Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) KPLB Mas Rizal Mohd Hilmi.

Mahdzir berkata, TVET dianggap sebagai salah satu kekuatan sistem pendidikan di negara maju seperti Jerman, Jepun dan Perancis malah negara serantau seperti Korea Selatan, China dan Singapura turut berusaha mengukuhkan bidang berkenaan.

"Korea Selatan misalnya, membangun dengan pantas

daripada negara yang musnah akibat perang keadaan kuasa besar ekonomi kerana penguasaan dalam bidang TVET.

"Mereka menyedari untuk bersaing di peringkat global, perlu diwujudkan pendidikan yang dapat memastikan semua pelajar disokong dan boleh berjaya tanpa mengetepikan pelajar berprestasi rendah," katanya.

Mengulas lanjut, beliau menegaskan, KPLB akan terus memberi tumpuan menyokong pembangunan modal insan bagi meningkatkan pembabitan golongan belia luar bandar dalam arus pembangunan melalui penyediaan kemudahan dan peluang pendidikan dalam bidang TVET.

"Sehingga 31 Mac lalu, seramai 48,800 pelatih sedang mengikuti pengajian di institusi TVET@KPLB dan dijangkakan jumlahnya akan mencapai 60,000 pelatih apabila pengambilan sesi Julai 2022 bermula," katanya.